
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

JOW 457 - KEUSAHAWANAN

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak termasuk muka surat hadapan sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA soalan.

Sila pastikan bahawa anda telah menulis angka giliran dengan betul. Tuliskan angka giliran di setiap kertas jawapan anda.

Keseluruhan soalan diperuntukkan 100 markah.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

SOALAN 1 (15 markah)

- (a) Apakah globalisasi dari perspektif keusahawanan? Apakah DUA (2) faedah menceburi perniagaan di peringkat antarabangsa?
(3 markah)
- (b) Terangkan EMPAT (4) kaedah bagaimana seseorang usahawan boleh memasuki pasaran antarabangsa.
(6 markah)
- (c) Apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh usahawan sebelum memasuki pasaran antarabangsa?
(6 markah)

SOALAN 2 (15 markah)

- (a) Terangkan dengan ringkas kriteria 5 c's yang digunakan oleh pihak bank dalam menilai keupayaan kredit permohonan pinjaman usahawan.
(5 markah)
- (b) Sumber pembiayaan boleh diperolehi oleh usahawan dengan cara pembiayaan berbentuk hutang dan pembiayaan berbentuk ekuiti. Senarai dan jelaskan LIMA jenis pembiayaan berbentuk hutang yang disediakan oleh bank-bank perdagangan kepada usahawan-usahawan di Malaysia..
(10 markah)

SOALAN 3 (20 markah)

Era tahun 2000 hangat memperkatakan tentang kreativiti dan inovasi. Kerajaan Malaysia turut memberi galakan dan penekanan kepada masyarakat usahawan agar menyedari keperluan sains dan teknologi yang boleh menjana peluang dan meningkatkan kreativiti dan inovasi. Usahawan yang kreatif dan berinovasi mempunyai peluang yang lebih baik dan mendapat kelebihan bersaing di pasaran.

- (a) Apakah kreativiti dan bagaimanakah seorang usahawan boleh menjanakan idea kreatif?
(5 markah)
- (b) Apakah jenis-jenis inovasi? Terangkan berserta dengan contoh bagi setiap jenis inovasi.
(6 markah)

- (c) Bagaimanakah inovasi dapat menjana peluang dan memberi kelebihan bersaing kepada usahawan? Bincangkan.

(9 markah)

SOALAN 4 (20 markah)

Persekitaran dari perspektif keusahawanan merujuk kepada persekitaran luaran dan persekitaran dalaman yang boleh mempengaruhi keputusan usahawan dalam perniagaan. Persekitaran juga menyediakan maklumat-maklumat penting yang boleh menjana peluang-peluang perniagaan kepada usahawan.

- (a) Apakah LIMA (5) jenis sumber dalam persekitaran dalaman?

(5 markah)

- (b) Apakah faktor-faktor persekitaran luaran mikro dan jelaskan kepentingannya kepada usahawan-usahawan.

(5 markah)

- (c) Bagaimanakah usahawan menganalisa persekitaran luaran makro untuk melihat peluang-peluang perniagaan?

(10 markah)

SOALAN 5 (30 markah)

Setelah tamat pengajian di Universiti Sains Malaysia, Faizal bercadang untuk menceburkan diri dalam perniagaan francais. Beliau telah pergi berjumpa dengan Pegawai Pembangunan Perniagaan Francais, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) untuk mendapatkan maklumat tentang perniagaan francais.

- (a) Anda sebagai Pegawai Pembangunan Perniagaan Francais (MECD) dikehendaki menerangkan tentang jenis-jenis perniagaan francais dan perkara-perkara terkandung dalam Seksyen 4, Akta Francais 1998.

(10 markah)

- (b) Dengan bantuan 'model sistem perniagaan francais', jelaskan kepada Faizal bagaimanakah perniagaan francais boleh berkembang.

(10 markah)

- (c) Sekiranya Faizal merupakan francaisor, terangkan dengan ringkas apakah tanggungjawab yang perlu dilakukan.

(10 markah)